

Harta UMNO: Dr. Mahathir mahukan maklumat ahli diseegerakan

M.M. - 4 OCT 1992

KUALA LUMPUR 3 Okt. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berharap pengumpulan maklumat mengenai butiran ahli-ahli LJMNO lama yang telah mendaftar dengan UMNO baru dapat dilaksanakan dengan segera bagi mendapatkan balik harta parti itu.

Perdana Menteri berkata, UMNO akan berusaha habis-habisan bagi mendapatkan butiran mereka yang berkenaan supaya tidak mengambil masa yang terlalu lama.

Katanya, perkara tersebut menjadi masalah kerana jika ia mengambil masa yang panjang ahli-ahli UMNO lama kebanyakannya akan meninggal dunia atau tidak aktif lagi dalam politik.

"Kita sudah capai lebih setengah, tetapi proses mengutip tandatangan, angkat sumpah dan sebagainya mengambil masa yang lama, sementara menunggu masa itu ramai ahli UMNO lama sudah meninggal dunia," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO (MT) di sini hari ini.

Menurutnya, adalah mustahil untuk mengutip lebih setengah daripada ahli UMNO lama jika mereka sudah meninggal.

"Daripada bilangan 1.3 juta yang dikatakan ahli UMNO lama itu, saya tidak tahu berapa ramai yang telah meninggal dunia selama lima enam tahun ini," jelasnya.

Menurut Dr. Mahathir, Pemegang Amanah tidak mempunyai kakitangan yang cukup untuk menguruskan harta-hartanya bernilai ratusan juta ringgit di seluruh negara dan mereka juga tidak pernah menguruskan harta yang sebegitu banyak.

Kata Perdana Menteri, mengikut peruntukan undang-undang yang telah digubal, UMNO baru berhak mendapat hartanya apabila separuh ahli lama UMNO telah didaftarkan.

Beliau berkata, proses melengkapkan butiran itu sudah hampir selesai dan sekarang ini hampir 50 peratus daripada ahli UMNO lama telah berbuat demikian.

Sehingga kini, katanya, kira-kira 80 peratus ahli UMNO lama telah mendaftar.

Ditanya sama ada kesempatan daripada masalah itu akan dimanipulasikan oleh Semangat 46 beliau berkata, memang sudah menjadi kebiasaan kepada parti itu untuk membuat kacau.

"Memang sudah semangat dia nak kacau, bukan ada apa-apa, sudah tak cukup dia haramkan UMNO, seret UMNO masuk mahkamah kononnya sebab sayang sangat kepada UMNO.

"Inilah semangat orang yang sayangkan UMNO yang membuatkan UMNO menjadi haram," jelasnya.